



Rujukan: MOF.PB(S) 600-8/7/14(4)
Tarikh: 18 Mac 2020

SEPERTI SENARAI EDARAN

YBhg. Datuk/Dato'/Tuan/Puan,

ELAUN KHAS BAGI PENJAWAT AWAM YANG TERLIBAT DALAM MENANGANI COVID-19

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sebagaimana pihak YBhg. Datuk/Dato'/Tuan/Puan sedia maklum, Kerajaan telah mengumumkan Pakej Rangsangan Ekonomi 2020 (PRE 2020) bagi membantu sektor-sektor yang terjejas akibat penularan wabak COVID-19 serta memangkin semula pertumbuhan ekonomi. Antara langkah yang diumumkan dalam PRE 2020 adalah Langkah 17 berkaitan pemberian elaun khas kepada penjawat awam yang terlibat dalam menangani COVID-19 sebagai satu penghargaan daripada Kerajaan terhadap pengorbanan dan jasa pegawai/petugas yang terlibat.

3. Syarat umum pemberian elaun khas ini adalah seperti berikut:

- i) Pemberian adalah kepada pegawai/petugas yang terlibat secara langsung dalam menangani COVID-19;
- ii) Kadar pemberian adalah sebanyak RM400 sebulan bagi petugas kesihatan dan RM200 sebulan bagi petugas-petugas lain yang layak;
- iii) Pemberian elaun khas ini adalah secara bertempoh berkuatkuasa pada Februari 2020 hingga penularan wabak COVID-19 diisytiharkan berakhir dan tuntutan boleh dikemukakan bermula April 2020;
- iv) Kaedah tuntutan adalah secara bulanan berdasarkan surat arahan bertugas, diluluskan oleh Ketua Jabatan masing-masing dan disokong oleh dokumen berkaitan;
- v) Semua kementerian/jabatan/agensi digalakkan untuk menyediakan satu garis panduan dalaman sebagai langkah kawalan; dan
- vi) Sebarang penjelasan berkaitan proses bayaran dan perakaunan boleh dirujuk kepada Bahagian Akaun masing-masing.

4. Syarat tuntutan elaun khas ini adalah terpakai kepada pegawai/petugas di bawah Kementerian Kesihatan, Jabatan Imigresen, Majlis Keselamatan Negara dan Agensi Pengurusan Bencana Negara yang diarahkan serta terlibat secara langsung dengan pengawalan penularan wabak COVID-19. Implikasi kewangan bagi bayaran elaun khas ini akan dibiayai menggunakan peruntukan sedia ada kementerian/jabatan/agensi terlebih dahulu dan pelarasan peruntukan akan dibuat kemudian oleh Kementerian Kewangan setelah implikasi kewangan keseluruhan dikenalpasti. Kementerian juga dimohon untuk memastikan segala urusan pembayaran dibuat secara teratur dan mematuhi tatacara kewangan yang sedang berkuat kuasa.

5. Kementerian/Jabatan/Agensi yang terlibat hendaklah mengemukakan laporan perbelanjaan secara bulanan kepada Unit Pelaksanaan dan Koordinasi Stimulus Ekonomi antara Agensi Nasional (LAKSANA) melalui emel pre2020@treasury.gov.my menggunakan format seperti di **Lampiran A**. Perhatian dan kerjasama YBhg. Datuk/Dato'/Tuan/Puan dalam perkara ini adalah amat dihargai.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,



(JOHAN MAHMOOD MERICAN)

Pejabat Belajawan Negara

b.p. Ketua Setiausaha Perbendaharaan

☎ : 03-8882 3838

☎ : 03-8882 3817

✉ : johan.merican@treasury.gov.my

s.k.:

TPBN(D)

TPBN(A)

TPBN(S)

TPBN(K)

SENARAI EDARAN

Ketua Setiausaha
Kementerian Kesihatan Malaysia
Aras 12 Blok E7, Kompleks E
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62590 PUTRAJAYA
(u.p.: YBrs Dr. Uzaillee bin Abdul Latif)

Ketua Setiausaha
Kementerian Dalam Negeri
Tingkat 12, Blok D1, Kompleks D
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62502 PUTRAJAYA
(u.p.: YBhg. Datuk Wan Ahmad Dahlan bin Hj. Ab. Aziz)

Ketua Pengarah Keselamatan Negara
Majlis Keselamatan Negara
Jabatan Perdana Menteri
Aras G Blok Barat Bangunan Perdana Putra
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62502 PUTRAJAYA

Ketua Pengarah
Agensi Pengurusan Bencana Negara
Jabatan Perdana Menteri
Aras 7 Blok D5 Kompleks D
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62502 PUTRAJAYA

Ketua Pengarah
Jabatan Imigresen Malaysia
Kementerian Dalam Negeri
No. 15 Tingkat 1-7 (Podium)
Persiaran Perdana, Presint 2
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62550 PUTRAJAYA
(u.p.: YBhg. Dato' Makhzan bin Mahyuddin)

Pengarah
Bahagian Perkhidmatan Operasi Pusat dan Agensi
Jabatan Akauntan Negara Malaysia
Kompleks Kementerian Kewangan
No. 1, Persiaran Perdana, Presint 2,
62594 Putrajaya.
(u.p.: Puan Hajah Maslina binti Kamarudin)

